

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 4 OGOS 2015 (SELASA)**

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|-----|--|-------------------|
| 1. | Tambah nilai buah melaka | Harian Metro |
| 2. | Hasil 7 produk susu kambing | Harian Metro |
| 3. | Greece's road to recovery lies in R&D investment | New Straits Times |
| 4. | Tiada penutupan maklumat dalam siasatan 1MDB | BERNAMA |

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (AGRO): MUKA SURAT V4
TARIKH : 4 OGOS 2015 (SELASA)

V4 Agro

SELASA
4 OGOS 2015 Harian Metro

GAMBAR: TAHMINA SAJIDAH AAFY

TAMBAH NILAI buah melaka



Oleh Mohamad Hussin
mohamad_hussin@hmetro.com.my

Apabila disebut buah melaka terbayang di pikiran penulis sejenis kuil onde-onde yang cukup popular di negara ini.

Anggapan penulis hikayatnya tersasarkan apabila buah melaka yang dimaksudkan adalah sejenis buah berwarna hijau untuk dijadikan produk kecantikan yang tumbuh di negeri Melaka saja.

Lebih membanggakan bekas penyelidik yang pernah bekerja di Melaka Biotech berjaya menghasilkan produk berkemasan yang diekstrak daripada buah Melaka.

Pengarah Urusan Tropical Bioessence Sdn Bhd (TBESB), Mohd Khairil Said berkata, syarikatnya memperkenalkan set penjagaan diri dan kosmetikal yang diberi nama M'blica.

Beliau berkata, M'blica adalah produk yang dihasilkan berdasarkan ekstrak buah melaka.

"Pokok melaka ialah sejenis pokok yang bersaiz kecil, sederhana dan mencapai ketinggian antara lima hingga 18 meter.

"Batangnya bengkok dan dahannya terluas selain mempunyai bunga berwarna kuning hijau.

"Buah melaka berwarna hijau kuning muda, berbentuk sedikit bulat dengan enam jalur tegak serta masak pada musim luruh dengan rasanya pahit dan masam," katanya.

Mohd Khairil berkata, buah melaka mempunyai kandungan asid

askorik yang tinggi. Selain itu, ia juga mempunyai kandungan kumpulan fenolik yang banyak seperti asid elagik, sid galic, quecertin, kaemphorol, emblicans, flavonoids, glycosides dan tannin.

"Semua bahan ini adalah sumber antioksidan yang kuat. Kajian dilakukan terhadap asid askorik di dalam buah melaka menunjukkan terdapat aktiviti antioksidan yang tinggi sekitar 45 hingga 70 peratus.

"Kajian juga menunjukkan ekstrak buah melaka mempunyai kesan antibakteria yang tinggi. Ditambah dengan kehadiran kandungan vitamin C dan kumpulan fenolik yang tinggi dan terkenal sebagai ajen antioksidan hebat.

"Ia mampu mengurangkan masalah kedutan kulit, mengurangkan proses pigmentasi

dan membantu kulit untuk memelihara kelembapan secara semula jadi.

"Kajian in-vitro ke atas fibroblas kulit menunjukkan terdapat peningkatan terhadap bilangan sel dan penghasilan kolagen," katanya.

Menurutnya, ekstrak buah melaka sememangnya bebas aktiviti pro-oksida sepenuhnya apabila ia dapat memanjangkan keupayaan untuk melindungi daripada kerrosikan kulit disebabkan cahaya.

"Buah melaka juga amat bagus dalam merangsang pertumbuhan rambut dan mencegah pertumbuhan uban.

"Kajian menunjukkan kandungan terbitan vitamin C dan komponen polifenolik meningkatkan sel Dermal Papilla (DP), iaitu sel mesenchymal khusus yang memainkan peranan penting dalam mengawal atur kitaran pertumbuhan dan keguguran rambut.

"Sel DP bukan saji membekalkan nutrien, tapi turut menghasilkan banyak faktor pertumbuhan (growth factors) dan cytokines yang mempengaruhi pertambahan sel serta fungsi beberapa sel folikel (folliculars) yang dinamakan keratinosit (keratinosystes)," katanya.

Mohd Khairil berkata, berdasarkan penemuan yang membanggakan ini, TBESB mengambil langkah proaktif untuk menambah nilai kepada buah melaka dengan menghasilkan beberapa produk kecantikan dan penjagaan diri

berasaskan ekstrak buah melaka.

"Produk M'blica ini dilancarkan di Milan, Itali pada 10 Jun lalu sempena Expo Milano 2015, baru-baru ini.

"Pelancaran ini disempurnakan mantan Menteri Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr Ewon Ebin dengan kerjasama Malaysian Biotechnology Corporation



MOHD Khairil menunjukkan buah melaka yang diekstrak untuk dijadikan set penjagaan diri dan kosmeautikal yang diberi nama M'blica.

(Biochcorp)," katanya.

Beliau berkata, antara produk M'blica yang dihasilkan dari buah melaka ialah syampu rambut, gel mandian, losyen badan dan serum rambut.

"TBESB beroperasi sejak lapan tahun lalu, sudah mendapat status Bionexus yang dianugerahkan Malaysian Biotechnology Corporation Sdn Bhd dan hingga kini menghasilkan 50 produk Sutra yang dikategorikan sebagai Aromatherapy, Fragrance and Wellness.

"Bagi menghasilkan produk itu, kami menggunakan teknologi terkini iaitu Supercritical Fluid Extraction (SFE) di dalam penyulingan minyak pati daripada tumbuhan dan ekstrak herba asli tanpa tambahan bahan pengawet serta kimia," katanya.



MOHD Khairil menunjukkan antara produk yang dihasilkan melalui buah melaka.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (AGRO): MUKA SURAT V5
TARIKH : 4 OGOS 2015 (SELASA)

Harian Metro

SELASA
4 OGOS 2015

Agro

V5

GAMBAR MOHD AMIN JALIL

HASIL 7 PRODUK SUSU KAMBING

Keluar 1,000 kotak sehari tapi belum cukup tampung permintaan pasaran seluruh negara



Oleh Mohd Amin Jalil
rencana@hmetro.com.my

Produk berdasarkan susu kambing yang terbukti berkhasiat dan mendapat sambutan menggalakkan di pasaran mendorong seorang pesara kerajaan menceburkan diri dalam industri berkenaan secara komersial.

Bagi Yaakop Mohd Isa, 57, pada mulanya dia melakukan kerja memproses kopi, tapi selepas tiga tahun menjalankan perniagaan itu, dia mengambil keputusan untuk bertukar kepada perniagaan susu kambing kerana dirasakan lebih berpotensi untuk berkembang maju.

Katanya, dia mula membabitkan diri dalam bidang pengeluaran susu kambing itu secara kecil-kecilan menggunakan kaedah manual pada tahun 2000, sebelum berubah kepada pemrosesan menggunakan mesin bermula pada 2005 menerusi syarikat Cipta Success Marketing (CSM).

"Permohonan saya untuk mendapatkan modal dan premis berjaya apabila Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp) meluluskan bantuan geran RM200,000 selain modal sendiri RM200,000.

"SME juga menyewakan

kilang miliknya di Taman Perindustrian Ringan Tun Dr Ismail di sini untuk melancarkan proses penghasilan dan memudahkan pendekar produkun dalam selain pengeluaran dalam kuantiti yang banyak bagi memenuhi permintaan," katanya ketika ditemui di kilangnya, di Negeri Sembilan, baru-baru ini.

Selepas lebih sembilan tahun beroperasi, Yaakob yang dibantu isterinya, Rohaya Mukri, 57, dan dua anaknya berjaya, ketika ini syarikatnya mengeluarkan tujuh produk susu kambing laju campuran halia, coklat, madu, spirulina, oat asli dan coklat serta kurma menggunakan jenama Tok Ali.

Menurutnya, selain itu, pihaknya juga menge luarkan tiga produk kopi iaitu kopi habbatus sauda, kopi susu kambing dan kopi tongkat ali.

Beliau berkata kilangnya mampu mengeluarkan 1,000 kotak susu kambing sehari atau 25,000 kotak sebulan, namun kuantiti itu tidak mencukupi untuk menampung permintaan pasaran seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak.

"Biarpun diproses menggunakan mesin, pengeluarannya masih terbatas kerana terdapat beberapa mesin di bahagian tertentu yang tidak boleh beroperasi kerana kawasan kilang yang terhad.

"Saya sedang berusaha mendapatkan kawasan kilang yang lebih luas bagi membolehkan semua mesin beroperasi sepenuhnya.

"Tambahn pulu, kami

turut menjadi pembekal susu kambing kepada 50 syarikat lain yang bertindak sebagai pemasar," katanya yang berhasrat melabur kira-kira RM5 juta untuk membina kilang di Alor Gajah Melaka, dalam beberapa tahun akan datang.

Usahawan kelahiran Melaka itu berkata, semua produknya mendapat pengiktirafan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) selain sijil halal daripada Jabatan Kemajuan



PEKERJA menyusun kotak.



"Kami sedia berkongsi kejayaan dengan orang lain yang berminat dan mereka boleh menjadi pengedar, stokis atau peruncit biasa"

Yaakop

Islam Malaysia (JAKIM).

Beliau berkata, bahan utama yang digunakan dalam setiap produk adalah daripada susu kambing asli tulen diperoleh daripada kilang pemprosesan terkenal berkoncepkian mesra alam serta dijamin bebas bahan kimia berbahaya dan turut.

Malah pihaknya turut melakukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi mendapatkan formulasi standard bagi memastikan setiap produk sentiasa mengekalkan kualiti serta rasa yang sama.

Ditanya berhubung cabaran dan halangan terbesar yang dihadapi dalam perniagaannya, Yaakop berkata cabaran terbesar dari segi harga susu kambing di pasaran.

"Jika kita lihat hari ini

terlalu banyak produk susu kambing yang dihasilkan mahupun dipasarkan dalam pasaran tempatan kita dengan harga yang lebih murah," katanya.

Pada masa sama beliau turut menyarankan supaya pengguna mengetahui berapa kuantiti susu kambing dan ekstrak digunakan dalam menghasilkan susu berkenaan.

"Ketika ini masih banyak permintaan diterima daripada pelbagai syarikat termasuk dari luar negara, tetapi kami belum mampu memenuhi permintaan mereka," katanya yang turut menerima permintaan dari Brunei.

Peluang turut dibuka kepada usahawan yang berminat untuk mengeluarkan produk berdasarkan susu kambing menggunakan jenama sendiri selain bertindak sebagai pengedar.

"Kami sedia berkongsi kejayaan dengan orang lain yang berminat dan mereka boleh menjadi pengedar, stokis atau peruncit biasa," katanya yang kini memiliki 300 pengedar.

GAMBAR MOHD AMIN JALIL

Greece's road to recovery lies in R&D investment

INNOVATION: It needs to make strategic decisions to tap hidden human assets

MANY are curious as to why Greece is reeling longer than usual from the economic crisis. The whole episode started way back in 2009. The crisis is still unresolved.

It is still negotiating for financial help from the other European Union members, especially Germany and the International Monetary Fund. The Greek people continue to suffer from extreme austerity measures. German taxpayers are not pleased either.

The question is how did Greece come to this state? Was the problem of its own making? Or did the crisis originate from external sources?

According to the many published analyses, the country may have to



Passengers waiting to board a ship at the port of Piraeus on Sunday. Despite its economic and political troubles, Greece remains a popular summer tourist destination. Reuters pic

take the entire blame. It all started with a crisis of confidence in the country's finance.

For many years, it has been suggested that the country was under-reporting its finance. Their trade and budget deficits were hidden from public knowledge for years. It was meant to portray the country as having sound finance to help obtain foreign debts at reasonable rates.

The country needed the money to pay for its high welfare costs. Add to that the fact that their tax collection

was inefficient, servicing the massive debts soon became a problem. It took the global recession of 2008 to reveal the whole fiscal fiasco. That dented public confidence in the banks. The rest is history.

Now the attention is on the recovery. Analysts suggest that this may take longer than normal. This is because though Greece is considered a high income economy, its investment in R&D is comparatively low by developed country standards. It has been reported that the

country only spends 0.6 per cent of gross domestic product on R&D.

The average spending for most high income developed nations is between two and three per cent. In fact many even exceed three per cent. In Malaysia our R&D per GDP has been hovering around one per cent. But there are initiatives to increase this to at least two per cent by 2020 as spelt out in the Third National Science, Technology and Innovation Policy, hosted by the

→ *Continued next page*



DR AHMAD IBRAHIM

SAMBUNGAN...
NEW STRAITS TIMES (COMMENT): MUKA SURAT 14
TARIKH : 4 OGOS 2015 (SELASA)

Greece has the means to recover

→ From Page 16

Ministry of Science, Technology and Innovation.

The other glaring issue with Greek R&D spending is that most are given for basic and fundamental R&D. There is very little applied R&D. This is again in stark contrast to the situation in developed countries.

Germany, for example, practices a good balance between basic and applied R&D.

In Malaysia, on the other hand, we spend less on the basic research. This may need to change.

FIRSTLY, Greece has the potential to improve its innovation performance. At the moment, the country's ranking in the "innovation performance index" prepared by the European Commission shows Greece is last among the eurozone countries. But this can change with the right policy adjustments to strike a healthy balance between basic and applied R&D.

SECONDLY, the country has hidden assets that can serve as the foundation of a modern innovation system, including excellent research institutes. A second hidden asset is the huge number of top Greek researchers working outside the country.

It has been reported that Greece is the only eurozone economy "exporting" more scientific brains to other European countries and the United States than it keeps at home.

THIRDLY, it also has a few innovative companies which work with the existing research institutes.

FOURTH, apparently Greece has an impressive diaspora in research, finance and business, many of whom would be ready to support the country in such long term initiatives.

FINALLY, Greece has the right climate and quality of life that can attract good talent. What the country needs is a strong push for a more innovation-driven economy.

There is the need to design a coherent innovation policy that will close the gaps in the innovation chain, thus helping unlock its hidden assets.

This is where the country needs to develop the right strategic decisions to make that happen.

It is clear that over the years no country is spared from economic difficulties. But when it comes to recovery, it makes a lot of difference between countries which invest significantly in R&D than those which tend to be more stingy.

Greece is a good example where higher investment in R&D especially applied R&D can make the difference in the recovery process!

The writer is a fellow at Academy of Sciences Malaysia

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 4 OGOS 2015 (SELASA)



Tiada Penutupan Maklumat Dalam Siasatan 1MDB - Reezal Merican



Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican

KEPALA BATAS, 3 Ogos (Bernama) -- Bekas anggota Jawatankuasa Kira-Kira Kewangan Negara (PAC) Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican memberi jaminan bahawa tidak akan berlaku penutupan maklumat berhubung siasatan isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Beliau berkata PAC ditubuhkan atas landasan keterbukaan dan ketelusan kerana ia bukan sahaja dianggotai wakil daripada anggota Parlimen Barisan Nasional (BN) malah wakil parti pembangkang.

Katanya jawatankuasa itu terdiri daripada hampir 30 anggota termasuk wakil daripada Ketua Audit dan Kementerian Kewangan.

"Maklumat yang diterima oleh setiap anggota PAC adalah sama. "Bila perkara dibentang, ia diketahui oleh semua anggota. Mana mungkin ada konspirasi jika 30 orang mahu menutup atau membohong mengenai sesuatu kes termasuk isu 1MDB."

"Oleh itu saya memberi jaminan tidak ada ruang untuk penutupan isu sensitif seperti 1MDB," katanya kepada pemberita pada majlis doa selamat dan kesyukuran sempena pelantikan beliau sebagai Timbalan Menteri Luar, di sini Ahad malam.

Tiga lagi anggota PAC ialah Datuk Nur Jazlan Mohamed yang dilantik sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Mas Ermieyati Samsudin (Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan) dan [Datuk Wilfred Madius Tangau \(Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi\)](#).

Reezal Merican yang juga Anggota Parlimen Kepala Batas berkata pelantikan beliau dan tiga lagi anggota PAC ke dalam Kabinet tidak akan mengganggu laporan siasatan 1MDB.

"Kebenaran akan muncul dan rakyat akan mengetahuinya," tambah beliau.